



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT**

SEMPENA

**PROGRAM PELANCARAN AGROBAKTI : PEMBIAYAAN
KHAS UNTUK USAHAWAN MIKRO ORANG KURANG UPAYA
(OKU)**

PADA

**19 JANUARI 2016
JW MARRIOT PUTRAJAYA**

Bismillahirrahmaniirahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Salam Sejahtera dan Salam Sehati Sejiwa.

Salutasi (TBA)

1. Terlebih dahulu saya ingin menzahirkan rasa syukur ke hadrat illahi kerana dengan limpah kurnianya dan keizinanNya dapat kita semua hadir hari ini untuk sama-sama meraikan dan menyaksikan majlis pelancaran produk pembiayaan Agrobakti yang merupakan program pembiayaan ulung khusus untuk golongan OKU di Malaysia.
2. Saya juga ingin mengucapkan setinggi penghargaan kepada pihak Agrobank kerana sudi menjemput saya untuk bersama-sama di majlis yang penuh bermakna pada hari ini.
3. Untuk makluman tuan puan hadirin sekalian, Agrobank sememangnya sangat dekat dengan saya kerana dahulu saya pernah berkhidmat sebagai Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dari tahun 2004 sehingga 2008. Ketika menyandang jawatan itu, saya memang sering bertemu para pegawai Agrobank yang pada ketika itu masih dikenali sebagai Bank Pertanian Malaysia, menerusi pelbagai majlis dan juga mesyuarat. Sejak itu, saya lihat telah banyak inovasi dan

pembaharuan yang telah dilakukan Agrobank dalam menjalankan mandat yang telah dipertanggungjawabkan untuk memperkasa bidang pertanian. Selain itu, saya juga diberitahu Agrobank telah beralih kepada sistem perbankan Islam sepenuhnya sejak 1 Julai tahun lalu. Secara peribadi saya amat berbangga dengan pencapaian Agrobank pada hari ini dan berharap Agrobank akan terus memperjuangkan komuniti pertanian dalam usaha memenuhi keperluan dan kehendak komuniti pertanian agar seiring dengan peredaran masa. Syabas diucapkan!

4. Saya sangat gembira berada di majlis pada hari ini untuk bersama-sama YB Dato' Sri Ahmad Shabery untuk melancarkan produk pembiayaan terbaru Agrobank yakni pembiayaan Agrobakti yang merupakan pembiayaan mikro khusus untuk golongan OKU.

BANTUAN KERAJAAN KEPADA GOLONGAN OKU

Tuan/puan hadirin sekalian,

5. Sejak dahulu lagi, golongan kurang upaya atau OKU ini tidak pernah sekalipun dipinggirkan. Malah, dalam Bajet 2016 juga, inisiatif kerajaan untuk meningkatkan kesejahteraan golongan OKU turut diberi penekanan dengan peruntukan sebanyak RM583 juta. Jumlah ini meningkat sebanyak 25.6% berbanding tahun 2015 sebanyak RM465 juta.

6. Dalam pada itu, kerajaan juga sentiasa komited dalam usaha memastikan golongan OKU mendapat hak sama rata dan peluang yang sama seperti anggota masyarakat yang lain dalam semua aspek kehidupan. Usaha ini sangat penting bagi menggalakkan penyertaan penuh dan efektif golongan istimewa ini. Ini dikuatkan lagi dengan kewujudan Akta Orang Kurang Upaya 2008 yang menekankan tentang hak dan peluang OKU. Dengan akta ini, ia bermakna semua pihak harus memberi perhatian terhadap hak dan kepentingan OKU, bukan sahaja hak istimewa malah hak untuk menjalankan kehidupan sebagai individu normal biasa.

7. Dalam menjalani hidup sebagai individu normal, golongan OKU ini juga memerlukan pekerjaan atau kerjaya bagi memenuhi tuntutan kehidupan untuk hidup berdikari dan mempunyai pendapatan sendiri. Untuk itu, komitmen kerajaan untuk memberi peluang kepada OKU ini menjalani kehidupan normal dengan memberi pekerjaan kepada mereka terbukti melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 10/1988, dimana kuota 1% peluang pekerjaan di sektor awam diperuntukkan kepada golongan orang kurang upaya.

AGROBAKTI SEBAGAI PEMANGKIN KEHIDUPAN OKU

Hadirin sekalian,

8. Kita sedar, di era globalisasi yang penuh cabaran serta peningkatan kos sara hidup, usaha untuk membantu golongan ini juga perlu ditingkatkan. Untuk itu, kerajaan dengan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat sebagai pelaksana telah memperkenalkan Kemudahan Geran

Pelancaran. Produk ini telah banyak membantu golongan kurang upaya yang berpendapatan kecil atau yang ingin menjalankan perniagaan kecil dengan menyediakan peruntukkan geran pelancaran dengan kadar maksimum RM2000. Walaupun nilainya kecil, namun dana ini cukup untuk membuka peluang kepada golongan ini berdikari dan meningkatkan taraf hidup.

9. Sebenarnya, kita dapati ramai dari golongan OKU yang menceburi bidang keusahawanan. Bermula dengan berniaga secara kecik-kecilan, golongan OKU selalunya akan memulakan perniagaan yang berkaitan dengan makanan dan minuman seperti membuat kerepek, air minuman, membuat kraftangan dan banyak lagi. Untuk makluman tuan dan puan, bidang ini adalah dibawah sektor agromakanan ataupun industri asas tani. Justeru itu, ia memang amat bersesuaian pada hari ini untuk Agrobank memperkenalkan produk pembiayaan mikro terbaru khusus untuk golongan OKU. Dengan kadar yang murah, tanpa cagaran dan ansuran yang berpatutan, saya yakin produk ini akan memberi manfaat untuk golongan OKU memajukan perniagaan mereka yang berasaskan pertanian atau agromakanan.

10. Dengan kewujudan produk ini, InsyaAllah kita berharap agar golongan OKU akan berasa lebih berambisi dalam menjalankan perniagaan asas tani sendiri. Ditambah lagi dengan sasaran kerajaan untuk mengurangkan kadar kebergantungan negara terhadap makanan import, peluang dan prospek usahawan asas tani tampak cerah.

Hadirin dihormati sekalian,

11. OKU tidak sekali dilihat sebagai golongan yang lemah. Walaupun mereka mempunyai kekurangan daripada segi fizikal, saya optimis setiap OKU mempunyai potensi tersendiri serta mampu menyumbang ke arah pembangunan negara. Nasihat saya, jangan bataskan diri dalam melakukan sesuatu untuk kemajuan diri dan bebaskan diri dari hanya mengharapkan bantuan dan subsidi kerajaan.

12. Gunakan peluang dan kelebihan yang diberikan kepada golongan OKU untuk meningkatkan taraf hidup kita dan juga keluarga. Beri fokus kepada kelebihan dan bukan kekurangan yang ada pada diri. Sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Dato Seri Ahmad Shabery, untuk berjaya dalam perniagaan, semua usahawan (tidak kiralah sama ada golongan normal atau istimewa) seseorang itu perlu ada semangat dan kesungguhan yang tinggi. Buktikan kepada dunia bahawa golongan OKU juga mampu berjaya malah boleh menandingi pencapaian dan kejayaan yang diperoleh golongan normal. Semua ini tidak mustahil kerana kita sudah punya ramai usahawan OKU yang berjaya. Setiap tahun kami di Kementerian turut memberi penganugerahan kepada individu-individu cemerlang ini dan jadikanlah mereka sebagai contoh dan aspirasi untuk berjaya.

SASARAN 1,000,000 OKU BERDAFTAR

Tuan puan hadirin sekalian,

13. Kerajaan Malaysia sangat komited dalam membantu golongan istimewa ini untuk meningkatkan taraf hidup sekaligus meletakkan mereka sebaris dengan golongan normal. Namun semua ini mungkin kurang berkesan jika golongan OKU di negara ini tidak mendaftarkan diri sebagai orang kurang upaya dibawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Untuk makluman tuan puan, di negara ini hanya 365,000 orang kurang upaya telah berdaftar dengan JKM. Sasaran kita adalah mendapatkan 1 Juta OKU berdaftar dibawah JKM.

14. Justeru, pihak kementerian menyeru agar mana-mana orang kurang upaya yang masih belum berdaftar untuk lekas mendaftarkan diri mereka dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Ini bagi memudahkan pihak JKM untuk menyalurkan apa-apa jenis bantuan atau informasi mengenai peluang dan inisiatif yang terbaharu untuk golongan OKU. Insyallah, jika anda mendaftar, pelbagai faedah dan manfaat akan diterima.

PENUTUP

15. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya pada hari ini, ingin saya ucapkan setinggi penghargaan kepada Agrobank kerana keprihatinan untuk membantu golongan OKU ini. Syabas dan tahniah diatas inisiatif yang diberikan oleh Agrobank untuk pembiayaan ini dan juga sokongan Bank Negara terhadap usaha ini.

16. Terima kasih juga diucapkan kepada sahabat saya, YB Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek kerana sudi bersama-sama saya pada pagi ini untuk melancarkan produk pembiayaan Agrobakti.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wasallam Mualaikum W.B.